

cpn: 8850

1100089108



LP 66 FPE 2 2009



1100089108
Prestasi sektor pelancongan dan impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah / Yap Lee Chin.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089108		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**PRESTASI SEKTOR PELANCONGAN DAN
IMPAK KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI
NEGERI SABAH**

**YAP LEE CHIN
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh: 26 APRIL 2009

Tandatangan,



.....
NAMA : YAP LEE CHIN
NO. MAKTRIK : UK13366

DECLARATION

I hereby declare that this Final Year Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date: 26 APRIL 2009

Signature,



.....
NAME : YAP LEE CHIN
MATRIC NO. : UK13366

PENGHARGAAN

Sukacitanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sepanjang masa saya menjalani Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir (EKN 4399A/B). Terutamanya, Cik Noor Haslina Bt Mohamad Akhir yang selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar. Ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan ke atas kerjasama yang diberikan oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pelancongan, Sumber Asli dan Alam Sekitar Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah iaitu Encik Linus Dani dalam menyediakan data yang diperlukan dalam kajian ini. Terima kasih di atas layanan mesra, tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada keluarga yang disayangi dan rakan-rakan kerana memahami dan memberi sokongan padu dalam menjayakan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini.

Sekian dan terima kasih.

ABSTRAK

Sabah merupakan sebuah negeri yang terletak di Bahagian Utara Borneo dan ia telah dikenali sebagai 'Negeri Di Bawah bayu". Negeri Sabah adalah salah satu daripada destinasi pelancongan utama di Malaysia. Negeri ini kaya dengan keindahan alam semulajadi seperti Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Pulau Sipadan, Pulau Gaya, Pulau Manukan, Pulau Tiga, dan Pusat Rehabilitasi Orang Utan Sepilok. Selain itu, kepelbagaian suku kaum yang terdapat di negeri ini dapat menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat negeri ini. Sektor pelancongan memberi sumbangan kepada aktiviti ekonomi negeri. Tujuan kajian ini adalah bagi mengukur prestasi dan impak pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini. Data siri masa yang digunakan dalam kajian ini mulai tahun 1995 hingga tahun 2006 untuk menganalisis kesan ketibaan pelancong domestik terhadap pertumbuhan ekonomi negeri. Terdapat dua pembolehubah pelancongan yang digunakan dalam kajian ini iaitu ketibaan tempatan dan pendapatan pelancongan (*tourism receipt*). Selain itu, soal selidik juga digunakan mengenal pasti penentu ketibaan pelancong domestik ke negeri Sabah. Dapatan kajian mengesahkan bahawa ketibaan pelancong domestik dipengaruhi faktor penawaran seperti tahap kebersihan destinasi pelancongan dan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan. Dapatan kajian juga menunjukkan impak sektor pelancongan memberi kesan positif ke atas pertumbuhan ekonomi negeri ini.

ABSTRACT

Sabah is one of the state that located at the North-East corner of Borneo, which called as 'Land Below The Wind'. Sabah is one of the most important tourist destinations in Malaysia. It because this state abound with natural beauty such as Mount Kinabalu, Kinabalu Park, Sipadan Island, Gaya Island, Manukan Island, Tiga Island, and Orang Utan Sepilok Rehabilitation Centre. Besides that, tribesman diversity occur at this state would attract interest tourists within country and overseas come to visit. The tourism sector dominates the economic activity of the state. The purposes of this study is to identify and measure the impact of the performance tourism sector to the economic growth. Time series data from 1995 to 2006 has been used in the analysis of the impact domestic tourist arrivals to the economic growth. There are two variable used in this study such as domestic arrivals and the tourism receipt. Beside that, the information from questionnaire also used to identify the determinants of tourist come to Sabah. The result shows that the domestic arrivals are heavily depends on supply factor such as cleanliness of the tourism destination and the infrastructure supply by the tourism sector. The finding shows the positive impacts of tourism sector to the economic growth.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI ILUSTRASI	viii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
	1.4.1 Umum	8
	1.4.2 Khusus	8
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Organisasi Kajian	11

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Sorotan Kajian	13
2.3	Kesimpulan	22

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	23
3.2	Rangka Kerja	24

3.2.1	Rangka Kerja Penyelidikan	24
3.2.2	Rangka Kerja Teoritikal	26
3.3	Sumber Data	28
3.4	Pembentukan Soal Selidik	29
3.5	Pengujian Model	31
3.5.1	Analisis Korelasi	32
3.6	Kesimpulan	30

BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Kaedah Soal Selidik	33
4.2.1	Analisis Deskriptif	34
4.2.2	Profil Mengenai Pelancong Melawat Ke Negeri Sabah	40
4.2.3	Analisis Model Kajian	43
4.3	Analisis Korelasi	46
4.2.1	Kekuatan Hubungan Antara Jumlah Bilik Penginapan Dengan Jumlah Kedatangan Pelancong	47
4.4	Graf	47
4.4.1	Hubungan kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Negeri Sabah	48
4.4.2	Hubungan Antara Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Bagi Negeri Sabah Dengan Pendapatan Pelancong (<i>Tourism Receipt</i>)	51
4.4.3	Hubungan Antara Pendapatan Pelancong (KDNK per kapita – negara asal pelancong) dengan Jumlah Kedatangan Pelancong	53
4.5	Kesimpulan	54

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	55
5.2	Ringkasan Kajian	55
5.3	Dapatan Kajian	56
5.4	Cadangan Kajian	58
5.5	Kesimpulan	60

RUJUKAN	61
LAMPIRAN A	62

SENARAI JADUAL

JADUAL

1.1	Pendapatan Pelancongan (<i>Tourism Receipt</i>) Sabah, Tahun 2001-2007	3
1.2	Jumlah Kedatangan Dalam Dan Luar Negara, Tahun 1998 Hingga 2007	4
4.2.1.2	Jumlah Responden Mengikut Negeri Dan Wilayah Persekutuan	36
4.2.1.5	Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	39
4.2.1.6	Mod Bercuti Responden	39
4.2.2.1	Tujuan Lawatan Pelancong Ke Negeri Sabah	40
4.2.2.2	Tempoh Lawatan	41
4.2.2.3	Pengetahuan Responden Terhadap Negeri Sabah	42
4.2.3.1	Analisis Regresi Bagi Faktor Penawaran Yang Terpilih Ke Atas Jumlah Kedatangan Pelancong Domestik	43
4.3.1	Kekuatan Antara Jumlah Bilik Penginapan Dengan Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Negeri Sabah	47
4.4.1	Jumlah kedatangan Pelancong Dan KDNK Negeri Sabah, Tahun 1996-2006	48

SENARAI ILUSTRASI

RAJAH

1.5	Peta Sabah	10
3.1	Rangka Kerja Penyelidikan	24
3.2	Rangka Kerja Teoritikal	26
4.2.1.1	Peratusan Mengikut Jantina	35
4.3.2.1	Latarbelakang Responden Mengikut Umur	37
4.4.1	Kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Sabah	49
4.4.2	Sumbangan Sektor Utama Negeri Sabah, Tahun 2005	51
4.4.3	Pendapatan Pelancongan (Tourism Receipt) Dan KDNK Sabah, Tahun 1999-2006)	52
4.4.4	Kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Per Kapita Malaysia, Tahun 1995-2006)	53

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
KL	Kuala Lumpur
OECD	Negara maju
RMK8	Rancangan Malaysia Kelapan
RMK8	Rancangan Malaysia Kesembilan
SARS	Penyakit Pernafasan Akut Yang Teruk
SPSS	Statistical Package Science Sosial
STB	Lembaga Pelancongan Sabah (<i>Sabah Tourism Board</i>)
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
WTC	World Trade Centre
WTO	World Tourism Organazations

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Malaysia iaitu Bahagian Utara Borneo. Negeri ini merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia iaitu mempunyai keluasan tanah sebesar 74,500 kilometer persegi. Negeri ini juga dikenali sebagai “Negeri Di Bawah Bayu”. Negeri Sabah yang kaya dengan keindahan alam semulajadi seperti di Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Pulau Sipadan, Pulau Gaya, Pulau Manukan, Pulau Tiga, dan Pusat Rehabilitasi Orang Utan Sepilok serta beberapa tempat lain lagi. Ke semua tempat ini merupakan tempat pelancongan bertaraf dunia dan ianya mampu menarik minat pelancong antarabangsa datang dan menikmati keindahan alam semulajadi ini.

Di samping itu, kepelbagaian suku kaum yang terdapat di negeri ini juga menarik minat dan perhatian pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat negeri Sabah. Negeri Sabah mempunyai 32 suku kaum atau etnik yang mempunyai pelbagai identiti, adat dan budaya yang berlainan. Walau bagaimanapun, kaum utama adalah Melayu, Cina, Kadazan-Dusun, Bajau, Murut dan Bisaya. Maka, secara tidak langsung keunikan yang terdapat di negeri ini mampu memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor pelancongan.

Seperti yang diketahui, sektor pelancongan merupakan sektor yang bersifat keseronokan, tempat bersejarah dan juga meneroka keindahan alam semulajadi. Pelancongan mempunyai pelbagai maksud mengikut badan-badan yang berkaitan. Istilah pelancongan menurut *World Tourism Organization* (WTO) pula merujuk kepada, “aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat keluar daripada persekitaran

asalnya dan menetap di situ tidak lebih daripada setahun bagi tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya.” Selain itu, WTO juga menakrifkan pelancongan kepada perjalanan individu atau keluarga yang membuat perjalanan ke suatu tempat tidak kurang daripada 25 batu dari tempat kediaman untuk tempoh tidak kurang daripada 24 jam atau tinggal di suatu destinasi sekurang-kurangnya satu malam.

Selain itu, pelancongan juga didefinisikan sebagai “Suatu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semula jadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas pada keperluan mereka, dan juga kesan ke atas diri mereka dan industri itu daripada sudut sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran” (Jafari, 1977). Pelancongan merupakan suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih, elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan elemen dinamik iaitu terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari” (Leiper, 1981).

1.2 LATAR BELAKANG

Pelbagai produk pelancongan diwujudkan bagi membangunkan sektor pelancongan negeri ini melalui kempen Cuti-cuti Malaysia, Program Jualan Mega, Program Homestay Eko-pelancongan, sukan antarabangsa dan sukan pengembaraan bagi menarik minat pelancong untuk mengunjungi Malaysia. Produk pelancongan ini juga diadakan di negeri Sabah. Festival menuai (Tadau Kaamatan) pada hujung bulan Jun setiap tahun merupakan produk pelancongan khas bagi negeri ini. Ke semua produk pelancongan ini mampu menarik minat pelancong datang untuk melawat dan seterusnya pendapatan pelancongan (*tourism receipt*) yang didapati akan memberi sumbangan kepada pendapatan (KDNK) negeri ini.

Jadual 1.1: Pendapatan Pelancongan (*Tourism Receipt*) Sabah, Tahun 2001-2007

Tahun	Jumlah Kedatangan	Kadar Pertumbuhan (%)	Jumlah Pendapatan Pelancongan (<i>Tourism Receipt</i>) (RM bilion)
2001	918,523	-	0.8
2002	1,107,356	37.5	1.1
2003	1,251,454	18.2	1.3
2004	1,773,271	38.5	1.8
2005	1,828,771	33.3	2.5
2006	2,091,658	20.8	2.9
2007	2,478,443	62.1	4.7

Sumber : 1. Jabatan Imigresen Sabah(KKIA)
2. Ucapan Bajet 2008

Berdasarkan Jadual 1.1, sumbangan sektor pelancongan terbukti apabila sektor ini memberi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sabah sebanyak RM4.7 bilion iaitu sektor ketiga besar dalam sumbangan KDNK negeri pada taun 2007. Manakala jumlah kedatangan pelancong pula menunjukkan tren yang positif

iaitu mengalami peningkatan dari 2.1 juta orang pada tahun 2006 kepada 2.5 juta orang pada tahun 2007. Dalam erti kata lain, kadar pertumbuhan dalam jumlah kedatangan pelancong adalah sebanyak 18.4 peratus dalam tempoh tersebut (Jadual 1.2). Di negeri Sabah, peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong merupakan petanda yang baik bahawa tahap kepopularan negeri Sabah sebagai tumpuan pelancong telah meningkat.

Jadual 1.2 : Jumlah Kedatangan Dalam Dan Luar Negara,
Tahun 1998 Hingga 2007

Tahun	Asing	Warganegara Malaysia	Jumlah Ketibaan	Kadar Pertumbuhan (%)
1998	264,898	158,386	423,284	-
1999	335,931	148,060	483,991	14.34
2000	408,938	365,537	774,475	60.02
2001	406,009	512,514	918,523	18.6
2002	528,264	579,092	1,107,356	20.56
2003	569,712	681,742	1,251,454	13.01
2004	792,308	980,963	1,773,271	41.7
2005	761,094	1,067,677	1,828,771	3.13
2006	750,923	1,340,735	2,091,658	14.38
2007	987,660	1,490,783	2,478,443	18.49

Sumber : *Jabatan Imigresen Malaysia (KL)*

Peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong dapat meningkatkan pendapatan pelancong (*tourism receipt*) yang seterusnya akan memberi sumbangan yang besar kepada KDNK negeri Sabah. Peningkatan sektor ini mampu meningkatkan penggunaan tenaga buruh serta dapat mengurangkan kadar pengangguran. Hal ini disebabkan industri pelancongan meliputi bidang perkhidmatan. Maka, kemudahan yang diperlukan adalah pelbagai serta mampu menyediakan pekerjaan kepada semua lapisan penduduk. Selain itu, sektor ini juga meningkatkan kadar pertukaran asing, peningkatan dalam pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Menurut Datuk Hamisa Samat (Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah), kerajaan negeri Sabah telah menetapkan tiga sektor utama yang berpotensi tinggi menjadi penyumbang penting ekonomi negeri sebagai hala tuju negeri ini yang mana salah satunya ialah sektor pelancongan (Utusan Malaysia, 2008). Menurutnya, kedatangan pelancong tempatan telah meningkat kepada 646,131 orang pada tahun 2008 berbanding 565,013 orang dalam tempoh yang sama tahun lalu (Januari – Mei).

Tempoh yang diambil dalam kajian ini adalah selama tiga belas tahun iaitu dari tahun 1995 sehingga tahun 2007. Tempoh ini diambil kerana jumlah kedatangan pelancong ke dalam negeri Sabah adalah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Selain itu, pengrekodan jumlah kedatangan pelancong tempatan adalah bermula dari tahun 1995. Peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong tetap diteruskan walaupun beberapa peristiwa-peristiwa dunia seperti tragedi World Trade Centre (WTC), perang Iraq, Penyakit Pernafasan Akut yang Teruk (SARS), selesema burung dan serangan keganasan (serangan ke atas Pulau Sipadan) sepanjang tempoh ini.

Walaupun industri pelancongan Malaysia telah terjejas teruk akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan faktor-faktor lain seperti ancaman penganas antarabangsa dan wabak SARS baru-baru ini, industri pelancongan di Sabah kini sudah mulai beransur pulih (Ucapan Dasar Sempena Perhimpunan Agung Tahunan Yang Ke-18, 2003) .

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Di Malaysia, sektor pelancongan merupakan sektor ketiga besar dalam memberi sumbangan KDNK negara. Di negeri Sabah, sektor ini memainkan peranan yang sama iaitu sektor ini memberi sumbangan kepada KDNK negeri sebanyak RM4.7 bilion dari segi kutipan hasil pada tahun 2007. Sektor ini juga merupakan sumbangan ketiga besar kepada tukaran wang asing bagi negeri in.

Teras kepada dasar sektor pelancongan negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) ialah untuk mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi supaya ianya akan membantu meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan. Tumpuan dasar diberikan kepada penaiktarafan infrastruktur dan kemudahan pelancong.

Kadar pertumbuhan kedatangan pelancong telah mengalami kegawatan pada tahun 2001, 2003 dan 2005. Tempoh berlaku kegawatan dalam pertumbuhan pelancong adalah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK8). Ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa peristiwa dunia seperti tragedi serangan 11 September 2001 ke World Trade Center (WTC), perang Iraq, Penyakit Pernafasan Akut yang Teruk (SARS), selesema burung dan serangan keganasan. Hal ini dapat membuktikan kepada sektor pelancongan adalah terpengaruhi oleh faktor-faktor luaran.

Kemudahan infrastruktur yang sedia ada untuk pelancong tidak dapat menampung keperluan jumlah kedatangan pelancong yang kian meningkat. Kemudahan infrastruktur bagi sektor pelancongan boleh dilihat dari segi faktor penawaran, pengangkutan dan keadaan jalan raya dar bandar ke kawasan pedalaman. Faktor penawaran boleh merujuk kepada kapasiti bilik disediakan bagi penginapan kepada pelancong. Kemudahan kenderaan yang disediakan oleh kerajaan bagi sektor pelancongan tidak mencukupi serta tidak dapat menampung keperluan pelancong.

Terdapat beberapa isu telah dibangkit dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) bagi negeri Sabah seperti kekurangan frekuensi penerbangan terus antarabangsa dari Kota Kinabalu ke negara-negara lain. Walaupun dalam negara Malaysia, keadaan yang sama juga berlaku iaitu kekurangan frekuensi penerbangan terus dari negeri ke negeri seperti dari Kota Kinabalu ke Negeri Kuala Terengganu dan Kuantan. Berlaku penambahan frekuensi penerbangan telah dilaksanakan oleh Syarikat Air Asia pada mulai bulan Jun 2007 iaitu dari Pulau Pinang ke Kota Kinabalu.

Kedua, memandangkan sasaran kedatangan pelancong adalah sebanyak 3.4 juta orang pada akhir tempoh Rancangan Malaysia-Sabah Kesembilan (RMK9) tetapi, kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang asal tidak mencukupi untuk menampung lebih daripada 2.5 juta orang pengguna setahun. Oleh sebab itu, pihak berkuasa mengambil tindakan untuk penaiktarafan terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu iaitu Terminal Dua kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA). Penaiktarafan dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) telah siap pada hujung tahun 2006. Penaiktarafan ini akan dapat menangani masalah kapasiti dan juga dapat menangani kedatangan pelancong dengan lebih baik dan teratur.

Selain itu, kebersihan kawasan bandar, pekan, pantai, sungai dan destinasi pelancongan juga akan mempengaruhi daya tarikan pelancong datang untuk melawat. Ini kerana negeri Sabah merupakan negeri yang kaya dengan tempat pelancongan yang berunsur keindahan alam semulajadi. Pelancong tidak akan datang sekiranya kebersihan destinasi pelancongan adalah kurang memuaskan.

Jumlah kedatangan pelancong akan kekal meningkat sekiranya kemudahan dan infrastruktur yang disediakan adalah memuaskan. Jumlah kedatangan ini dapat memberi sumbangan dalam hasil negeri iaitu sebanyak RM4.7 bilion berbanding anggaran yang telah dibuat hanya RM3.2 ratus juta bagi tahun 2007. Kenyataan ini menunjukkan

bahawa sektor pelancongan negeri Sabah mempunyai potensi untuk menarik minat pelancong melawat lebih daripada satu kali.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam pembangunan pelancongan dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur mahu pun kebersihan di kawasan tumpuan orang ramai supaya dapat menarik lebih banyak pelancong untuk melancong di negeri Sabah. Jumlah kedatangan pelancong boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu pelancong dari dalam dan luar negara. Berdasarkan statistik yang diberi oleh Lembaga Pelancongan Sabah (STB), tren kedatangan pelancong menunjukkan tren yang positif iaitu mengalami peningkatan purata 20.42 peratus setahun dari tahun 1998 hingga 2007. Pada tahun 1998 hingga 2000, jumlah kedatangan pelancong asing melebihi pelancong warganegara Malaysia manakala tahun 2001 hingga 2007 menunjukkan keadaan yang sebaliknya.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Umum

Menganalisis pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

1.4.2 Khusus

1. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kedatangan pelancong dalaman (domestik) di negeri Sabah.
2. Menilai prestasi sektor pelancongan negeri Sabah.
3. Menganalisis impak sektor pelancongan kepada ekonomi negeri Sabah.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di negeri Sabah kerana ia merupakan salah satu negeri yang kaya dengan tempat-tempat pelancongan. Keindahan semulajadi negeri ini mampu menarik minat pelancong datang ke negeri Sabah. Namun begitu, kajian ini lebih tertumpu di sekitar kawasan Kota Kinabalu seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) iaitu Terminal 1 dan Terminal 2. Tempat ini dipilih sebagai kawasan bancian adalah disebabkan kedua-dua kawasan ini merupakan laluan utama para pelancong masuk dan keluar ke negeri Sabah. Selain daripada kawasan tersebut, saya juga memilih beberapa tempat strategik yang menjadi tumpuan pelancong untuk membuat bancian iaitu di jeti *Jesselton Point*, perhentian bas *Bandaraya Kota Kinabalu*, serta pusat membeli belah iaitu One Borneo yang kini terkenal sebagai pusat membeli belah terbesar di negeri Sabah. Jumlah responden yang akan diambil adalah seramai seratus lima puluh orang.

Rajah 1.5 Peta Sabah



Sumber : Lembaga Pelancongan Sabah

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini dijangka dapat membantu badan-badan yang berkaitan untuk membangunkan sektor pelancongan di negeri Sabah. Berdasarkan kajian ini badan-badan yang berkaitan juga akan dapat merancang strategi-strategi untuk meningkatkan produktiviti sektor pelancongan. Perbadanan utama yang berfaedah daripada kajian ini adalah seperti Lembaga Pelancongan Sabah. Kajian juga penting bagi pelabur-pelabur yang ingin menceburi pasaran pelancongan. Pasaran pelancongan adalah seperti agensi pelancongan, pasaran makanan dan pengangkutan.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini mengandungi lima bab yang utama iaitu Bab 1 hingga Bab 5 yang bertajuk Pengenalan, Sorotan Kajian, Metodologi, Keputusan Kajian dan Implikasi Cadangan dan Rumusan Kajian. Bab 1 merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan juga organisasi kajian secara terperinci. Sumber yang digunakan dalam bab ini adalah berdasarkan pengalaman peribadi, surat khabar, artikel ataupun dokumen rasmi yang diterbitkan oleh kerajaan. Latar belakang kajian merujuk kepada sejarah ataupun asal usul kajian yang dibuat. Objektif kajian dapat dibentuk daripada permasalahan kajian yang telah dibuat. Manakala skop kajian merujuk kepada kaedah yang akan digunakan, kawasan dan tempoh kajian.

Bab 2 pula merujuk kepada kajian lepas yang telah dibuat oleh penyelidik terdahulu. Bab ini adalah ulasan sorotan karya yang berkaitan tajuk kajian saya dengan jelas dan tepat. Ulasan karya berfaedah kepada saya dalam menentukan kaedah atau pun pembolehubah yang akan digunakan dalam kajian. Terdapat sepuluh sorotan karya yang bersesuaian digunakan dalam kajian ini.

Bab 3 merupakan Metodologi kajian. Bab ini menerangkan kaedah-kaedah dan teknik-teknik yang digunakan dalam kajian ini. Tiga bentuk analisis digunakan iaitu model regresi berbilang, model regresi mudah dan analisis diskriptif. Manakala data yang digunakan adalah data sekunder dan data premier. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah daripada jabatan yang berkaitan seperti Lembaga Pelancongan Sabah, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN). Di samping itu, soal selidik dicipta untuk membuat bancian bagi analisis diskriptif.

Bab 4 ialah keputusan kajian. Bab ini menginterpretkan output yang telah dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package Science Sosial (SPSS). Bab 5 pula membuat implikasi cadangan daripada keputusan kajian yang didapati. Memberi cadangan supaya tindakan akan diambil oleh pihak berkenaan. Selain itu, rumusan kajian akan dibuat melalui kajian yang telah dibuat.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini meliputi huraian yang telah diperbuat daripada penyelidikan terdahulu dan maklumat yang berkaitan dengan prestasi sektor pelancongan. Beberapa kajian yang berkaitan dengan prestasi sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi telah dibuat oleh pengkaji terdahulu diguna pakai sebagai panduan kajian ini. Penyelidik boleh menghubungkaitkan kajian terdahulu dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, sorotan kajian juga sebagai panduan arah kepada penyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi sektor pelancongan. Seterusnya, pendapatan daripada sektor pelancongan dapat memberi sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita negara.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Terdapat dua faktor yang menyebabkan kelembapan dalam pertumbuhan industri pelancongan di India (K. Raguraman, 1998). Pertama, pengutamaan industri pelancongan tidak diberi tumpuan dalam pelan pembangunan negara India. Hal ini memberi kesan dalam pembangunan industri pelancongan dari segi infrastruktur, pemasaran dan promosi serta pembangunan sumber manusia yang jauh ketinggalan berbanding industri pelancongan negara lain. Kedua, dasar laluan udara iaitu kekurangan perkhidmatan frekuensi arus penerbangan antarabangsa dan kualiti perkhidmatan pengangkutan udara antarabangsa ke India akan mempengaruhi perkembangan sektor pelancongan di India.

Tempoh yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 15 tahun iaitu dari tahun 1981 sehingga 1995. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui bancian untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi industri pelancongan di India. Terdapat dua data sekunder yang digunakan dalam kajian ini seperti jumlah kedatangan pelancong dan juga jumlah dapatan pelancongan (*tourism receipt*). Data sekunder yang digunakan adalah berasal daripada *World Tourism Organisation* (WTO).

Matlamat utama kajian ini adalah membuktikan kedua-dua faktor ini menyebabkan kelembapan dalam pertumbuhan industri pelancongan India. Hasil kajian mendapati bahawa *National Tourism Plan* (NTAP) dapat meningkatkan pertumbuhan industri pelancongan walaupun NTAP tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Christine Lim dan Michael McAleer (2002) mengkaji hubungan jangka panjang antara permintaan untuk jumlah kedatangan pelancong antarabangsa (Malaysia) ke Australia. Terdapat beberapa pembolehubah makroekonomi yang digunakan dalam kajian ini. Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti pendapatan Malaysia, harga pelancongan di Australia, kos pengangkutan dan kadar pertukaran antara kedua-dua negara. Prosedur Augmented Dickey–Fuller (ADF) digunakan dalam kajian ini dengan Ujian *Unit Root*.

Hasil kajian ini menunjukkan pendapatan benar tidak memberi kesan ke atas permintaan pelancong dari Malaysia ke Australia apabila teknik ko-integrasi digunakan. Namun begitu, pendapatan sebenar (seperti yang diukur oleh logaritma penggunaan swasta sebenar perbelanjaan setiap capita) adalah signifikan apabila anggaran Kuasa Dua Terkecil (OLS) digunakan.

Teresa Gartin-Munoz dan Luis F. Montero-Martin (2006) mengenalpasti dan mengukur impak penentu utama kepada aliran pelancong antarabangsa masuk ke Pulau Balearic. Pembolehubah utama yang digunakan dalam kajian ini adalah jumlah

kedatangan pelancong daripada 14 negara utama dan tempoh yang digunakan adalah sepanjang 12 tahun iaitu dari tahun 1991 hingga tahun 2003. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah model dinamik. Selain itu, penganggar koefisien digunakan untuk pembolehubah bersandar yang tertinggal dan bermungkinan dapat menunjukkan penentu kesetiaan pengguna ke destinasi pelancongan.

Kajian ini menyumbangkan kepada pemahaman yang lebih baik dalam aliran pelancong antarabangsa ke Pulau Balearic. Model dinamik dapat mengukur kepentingan relatif antara penentu-penentu dalam permintaan akhir. Terdapat beberapa ciri-ciri dapat disimpulkan daripada data yang digunakan. Pertama, jumlah kedatangan pelancong antarabangsa mengalami peningkatan sepanjang tempoh kajian. Kedua, kebanyakan kedatangan pelancongan adalah bertujuan cuti. Selain itu, kebanyakan daripada kedatangan pelancongan ke Pulau Balearic dari United Kingdom dan Germany. Ketiga, daya tarikan utama pulau ini adalah cuaca, pantai dan juga kualiti penawaran. Keempat, jumlah kedatangan pelancong lebih tertumpu kepada musim panas.

Di samping itu, pembolehubah harga memainkan peranan dalam menggambarkan kos hidup pelancong di destinasi pelancongan dan kos perjalanan. Data yang digunakan dalam pembolehubah ini adalah kadar pertukaran asing dan indeks harga pengguna (CPI) daripada negara asal pelancong. Ke semua data ini berkumpul dari *National Statistics Institute of Spain* (INE, 1991-2003).

Dapatan kajian ini adalah nilai kepentingan pembolehubah bersandar ketinggalan (*lagged*) dapat menterjemahkan kesetiaan pengguna yang tinggi bagi ke atas keputusan pengguna tertarik terhadap sesuatu destinasi. Harga memainkan peranan penting dalam pelancongan di Pulau Balearic. Kajian ini dapat mengingatkan pembekal perla berhati-hati semasa menetapkan harga pada produk mereka. Selain itu, kajian menggambarkan permintaan bergantung kepada evolusi aktiviti ekonomi di negara asal pelancong.

Bichaka Fayissa, Christian Nsiah, Badassa Tadasse (2007) mengkaji kesan pelancongan antarabangsa dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara-negara Afrika Sub-Saharan. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan pelancong antarabangsa memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara Afrika. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam kedatangan pelancongan antarabangsa sebanyak 10 peratus akan mendorong peningkatan dalam Keluaran Negara Kasar per kapita (GDP per kapita) iaitu sebanyak 0.4 peratus.

Kajian ini menggunakan metod '*simple fixed effect*' dan model kesan rawak. Menurut *World Tourism Organization* (WTO), kebanyakan kawasan di negara ini yang berpotensi sebagai kawasan pelancongan belum diterokai. Kawasan-kawasan yang dinyatakan adalah seperti eko-pelancongan, pelancongan budaya dan pelancongan sukan. Di samping itu, industri pelancongan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara Afrika Sub-Saharan selain daripada pelaburan sumber tradisi.

Chien-Chiang L. dan Mei-Se C. (2007) mempunyai pandangan yang berbeza tentang isu perubahan rejim akan menurun kestabilan hubungan jangka panjang antara pembangunan pelancongan dan KDNK benar di Taiwan yang telah dikaji sebelum ini. Kajian empirikal digunakan ke atas hubungan ko-gerakan (*co-movement*) dan sebab akibat ke atas KDNK benar, pembangunan pelancongan dan kadar pertukaran benar dengan menggunakan model multivariat. Pembolehubah-pembolehubah kajian adalah pendapatan pelancong antarabangsa (*international tourism receipt*) dan bilangan kedatangan pelancong antarabangsa.

Di samping itu, kaedah yang digunakan dalam kajian mereka adalah ujian Unit Root Test dan juga ujian cointegration. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah data siri masa iaitu dari tahun 1959 sehingga 2003. Bukti empirikal kajian menunjukkan sebab akibat antara pelancongan dan pertumbuhan adalah "*bi-directional*". Perubahan politik antarabangsa, kejutan ekonomi, pengawalan dan polisi terhadap beristirehat akan

memberi kesan negatif terhadap hubungan antara pembangunan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi.

Terdapat empat hasil empirikal dalam kajian ini. Pertama, kesemua pembolehubah-pembolehubah dalam kajian mempunyai fenomena titik hentian. Insiden berlaku di sepanjang tempoh kajian yang telah diambil iaitu dari segi kemerosotan ekonomi (1992), pelepasan pengawalan pertukaran asing dan perubahan sistem kadar pertukaran asing (1987). Kedua, pembangunan pelancongan dianggap sebagai jentera dalam pertumbuhan ekonomi bagi Taiwan.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam ekonomi secara berterusan juga akan memberi sumbangan kepada pembangunan pelancongan. Seterusnya, ujian Hansen menunjukkan hubungan antara pembangunan pelancongan dan KDNK adalah tidak stabil. Keempat, hasil empirikal juga menunjukkan pembangunan pelancongan Taiwan berupaya mengendalikan hubungan pembangunan ekonomi dan politikal antara negara China dan Taiwan.

Kebanyakan negara menganggap pembangunan pelancongan mempunyai sasaran yang penting (Chien-Chiang L. dan Chun Ping C., 2007). Teknik yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik '*heterogeneous panel cointegration*' untuk menyelidik kogerakan (*comovement*) jangka panjang dan sebab akibat bagi hubungan antara pembangunan pelancongan dan pertumbuhan bagi negara yang maju (negara OECD) dan negara sedang membangun (negara bukan OECD). Tempoh kajian yang diambil dalam kajian ini adalah selama dua belas tahunan iaitu dari tahun 1990 sehingga tahun 2002.

Kajian ini menentukan bahawa pembangunan pelancongan mempunyai impak terhadap KDNK negara sedang membangun lebih tinggi berbanding KDNK negara maju. Di samping itu, pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendapatan pelancong (*tourism receipt*), kadar pertukaran asing, KDNK mengikut negara yang telah dipilih dalam kajian ini. Sebanyak 23 negara maju dan 32 negara sedang

membangun diambil kajian dalam kajian ini. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian kepegungan data (*unit root test*) dan panel cointegration.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat bukti kukuh terhadap hubungan panel cointegration antara negara maju dan juga negara sedang membangun. Selain itu, pembangunan pelancongan mempunyai impak yang lebih besar dalam KDNK negara sedang membangun. Aktiviti pelancongan memberi impak yang paling besar terhadap KDNK bagi negara Afrika Sub-Sahara. Strategi yang paling baik bagi KDNK negara sedang membangun adalah meningkatkan pendapatan pelancongan (*tourism receipt*). Seterusnya, kadar pertukaran asing juga memberi impak positif terhadap kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Afrika Selatan menunjukkan peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong pada dekad lalu (**Andrea Saayman, 2008**). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu dihadapi untuk mengekalkan peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong ke dalam Afrika Selatan. Kajian telah mengenalpasti penentu kedatangan pelancong dalaman negara (*inbound tourism*) ke Afrika Selatan dengan menggunakan kaedah analisis 'cointegration'. Jumlah kedatangan pelancong yang diambil adalah dari negara Eropah, Asia, Amerika Selatan, Australia dan Amerika Utara, serta Kanada.

Negara-negara yang diambil dalam kajian ini tidak mempunyai jumlah kedatangan pelancong dalaman negara (*inbound tourism*) yang tinggi. Negara-negara seperti Jerman, United Kingdom, Perancis, Netherlands dan USA memberi sumbangan jumlah kedatangan pelancong yang tinggi. Dalam kajian ini, negara-negara tersebut dipilih adalah disebabkan oleh faktor budaya dan ikatan kolonial. Afrika Selatan mempunyai kemudahan infrastruktur, laluan udara dan bahasa yang lebih baik berbanding kawasan negara Afrika yang lain.

Beliau mendapati bahawa pendapatan pelancong, perbandingan harga, kos pelancongan merupakan penentu kepada jumlah kedatangan pelancong. Di samping itu, beliau juga mendapati bahawa perubahan cuaca dan kapasiti memainkan peranan yang penting dalam penentu kedatangan pelancong. Pembolehubah-pembolehubah kajian adalah jumlah kedatangan pelancong dari negara yang terpilih, pendapatan (GDP), perbandingan harga (kadar pertukaran benar), kos pelancongan, faktor kualitatif dan faktor penawaran.

Dapatan kajian menunjukkan pendapatan merupakan penentu utama jumlah kedatangan pelancong dari negara yang terpilih ke Afrika Selatan. Selain itu, terdapat impak positif terhadap perubahan cuaca di Afrika Selatan kepada kedatangan pelancong. Terdapat beberapa komen kepada implikasi polisi. Pertama, cuaca merupakan faktor utama kepada pasaran Afrika Selatan sebagai destinasi pelancongan utama dalam pertumbuhan jumlah kedatangan pelancong. Selain itu, pengawalan perbandingan harga juga merupakan salah satu faktor kestabilan ekonomi Afrika Selatan dan seterusnya mempengaruhi permintaan pelancong (*tourism demand*).

Paresh Kumar Narayan (2008) mengkaji sama ada jumlah kedatangan pelancong ke Australia adalah pegun (*stationary*) ataupun tidak. Kajian ini melibatkan kedatangan pelancong dari 28 negara utama ke Australia. Berdasarkan WTO, sektor pelancongan merupakan penyumbang utama yang kelima kepada sumber eksport iaitu dari segi kadar pertukaran asing bagi kebanyakan negara di dunia ini. Berlakunya kejutan iaitu tragedi serangan 11 September 2001 ke *World Trade Center* (WTC) seiring dengan wabak penyakit Penyakit Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) telah menyebabkan jumlah kedatangan pelancongan ke Australia menurun sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2001. Wabak penyakit SARS telah menyebabkan industri pengangkutan udara mengalami kerugian sebanyak US\$ bilion.

Kajian ini pertama kali menggunakan ujian *Unit Root* untuk mengkaji pasaran pelancongan secara menyeluruh. Ujian ini penting kerana pasaran pelancongan yang

berbeza memberi tindak balas yang berbeza apabila mengalami sebarang kejutan. Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian yang pertama menggunakan pendekatan *Unit Root* mengkaji perubahan struktur dalam pasaran pelancongan. Terdapat tiga metodologi yang digunakan dalam kajian ini iaitu Ujian Im, Pesaran dan Shin (IPS), Ujian Univariate LM dan Ujian Panel LM.

Terdapat dua dapatan daripada kajian ini iaitu jumlah kedatangan pelancong daripada 28 negara yang dipilih adalah pegun di mana sebarang kejutan hanya memberi kesan dalam jangka masa yang pendek. Kedua, tragedi serangan 11 September 2001 ke *World Trade Center* (WTC) dan krisis kewangan Asia menyebabkan pengurangan jumlah kedatangan pelancong ke Australia. Di samping itu, terdapat pengurangan jumlah kedatangan pelancong 22 negara daripada 28 negara yang dipilih ke Australia.

Kajian ini menggunakan data keratan rentas (1995–2005 purata tahunan) bagi 88 negara untuk menyelidik hubungan tak linear (*nonlinear*) antara pembangunan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi (Wan-Chen Po, Bwo-Nung Huang, 2008). Data yang digunakan dalam kajian ini adalah berasal daripada Bank Data Dunia. Manakala tujuan kajian ini adalah menggunakan regresi ambang (*threshold regression*) untuk mengenalpasti bagaimana keadaan pertumbuhan pelancongan dapat memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi.

Menurut WTO, pendapatan pelancongan (*tourism receipt*) antarabangsa dalam 2003 adalah lebih kurang 6% dalam eksport barangan dan perkhidmatan di seluruh dunia. Laman web WTO menunjukkan pertumbuhan dalam ekonomi antarabangsa akan mendorong peningkatan pertumbuhan dalam industri pelancongan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa data yang didapati daripada 88 buah negara sepatutnya dibahagikan kepada tiga kumpulan ataupun rejim yang berlainan bagi menganalisis neksus pertumbuhan pelancongan. Signifikan positif terhadap hubungan

antara pertumbuhan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi dicapai apabila q_i adalah di bawah 4.0488 peratus (rejim 1, 57 buah negara) ataupun lebih daripada 4.7337 peratus (rejim 3, 23 buah negara). Keadaan yang sebaliknya diwujudkan apabila q_i adalah lebih daripada 4.0488 peratus dan kurang daripada 4.7337 peratus (rejim 2, 8 buah negara).

Namun, sumbangan industri tidak hanya kepada peningkatan pendapatan dari segi kadar pertukaran asing di mana ia juga mewujudkan peluang pekerjaan. Kesimpulannya, pertumbuhan dalam industri pelancongan dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, isu empirikal masih wujud iaitu sama ada industri pelancongan mendorong pertumbuhan ekonomi ataupun sebaliknya. Terdapat beberapa penyelidik terdahulu menggunakan pendekatan sebab-akibat untuk mengkaji hubungan antara pelancongan

Terdapat tiga masalah ditimbulkan apabila pendekatan sebab-akibat digunakan oleh penyelidik terdahulu. Pertama, data yang dikumpulkan adalah tidak mencukupi antara kedua-dua pembolehubah. Kedua, data yang dikumpul tidak berupaya menghapuskan masalah seperti aliran pusingan perniagaan dan perubahan struktur. Akhirnya, kegagalan untuk menentukan keadaan yang berbeza terhadap negara yang berbeza. Oleh sebab itu, regresi ambang yang digunakan dalam kajian adalah untuk menyelidik hubungan tak linear antara pembangunan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi.

2.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu menunjukkan bahawa kemudahan infrastruktur, pendapatan pelancong (Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita – negara asal pelancong) dan kadar pertukaran asing merupakan penentu kepada jumlah kedatangan pelancong. Peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong dapat meningkatkan pendapatan pelancongan (*tourism receipt*) dan seterusnya KDNK per kapita negara dapat ditingkatkan.

BAB 3

METODOLOGI


3.1 PENDAHULUAN

Metodologi yang sesuai digunakan dalam kajian ini dapat dikenalpasti apabila beberapa sorotan kajian telah diulaskan. Memandangkan banyak penyelidik terdahulu pernah mengkaji hubungan antara perbandingan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh sebab itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini berpotensi mendapat hasil kajian yang sempurna.

3.2 RANGKA KERJA

3.2.1 Rangka Kerja Penyelidikan

Rajah 3.1 Rangka Kerja Penyelidikan



Rangka kerja penyelidikan adalah bertujuan untuk menerangkan proses sesuatu kajian yang dijalankan. Rangka ini dapat membantu penyelidik sepanjang proses penyediaan kajian tanpa berlaku sebarang penyelewengan terhadap maklumat yang perlu dimasukkan dalam kajian ini. Kajian ini adalah bermula dengan menentukan tajuk yang hendak dikaji. Tajuk kajian yang dipilih haruslah mencerminkan permasalahan kajian yang hendak dikaji. Hal ini disebabkan tujuan utama sesuatu kajian adalah untuk mencari cara penyelesaian.


Seterusnya, objektif kajian ditentukan untuk meliputi semua perkara yang hendak dicapai. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu objektif umum dan objektif khusus. Objektif umum merupakan objektif yang merangkumi semua objektif khusus. Manakala objektif khusus pula merujuk kepada objektif yang bersifat lebih jelas, tegas atau jitu dan berkait rapat dengan objektif umum kajian tertentu.

Sorotan kajian dibuat apabila objektif kajian telah ditetapkan. Sorotan kajian yang dipilih dan diguna pakai dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan tajuk kajian, objektif kajian yang hendak dikaji. Metodologi akan ditentukan apabila sorotan karya siap diulas. Apabila metodologi ditentukan, langkah yang seterusnya adalah untuk mengumpul data. Data yang dikumpul dalam kajian ini adalah data primer dan data sekunder.

Analisis dan mentafsir data perlu dilakukan apabila semua data didapati. Dapatan kajian merupakan hasil kajian yang didapati daripada analisis kajian yang telah dibuat. Akhirnya, rumusan dan cadangan diberi untuk kajian ini. Tujuan bab ini adalah untuk memberi cadangan untuk menyelesaikan hasil kajian yang didapati.

3.2.2 Rangka Kerja Teoritikal

Rajah 3.2 Rangka Kerja Teoritikal



Rangka kerja teoritikal merupakan proses yang dicadangkan untuk melaksanakan analisis kajian ini. Pengumpulan data merupakan langkah utama untuk bahagian ini. Manakala data yang dikumpul dalam kajian ini adalah data primer dan data sekunder. Setelah kesemua data dikumpulkan, data tersebut diisi ke dalam *Program Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS). Menganalisis data dilakukan apabila perisian data ke dalam SPSS diselesaikan.

3.3 SUMBER DATA

Sumber data merupakan alat yang paling penting dalam sesebuah kajian. Sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder dan data premier. Data sekunder merupakan data yang telah diterbitkan oleh badan-badan yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia-Sabah, Lembaga Pelancongan Sabah (STB) dan Pejabat Perlesenan Kementerian Pelancongan Malaysia. Terdapat beberapa kelebihan penggunaan data sekunder dalam kajian ini iaitu penggunaan data sekunder dapat menjimatkan kos dan masa.

Data sekunder yang digunakan dalam kajian adalah seperti jumlah kedatangan pelancong dalam dan luar negara, pendapatan pelancong (*tourism receipt*), dan faktor penawaran (jumlah bilik hotel). Sumber keseluruhan data jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sabah adalah diperolehi daripada Lembaga Pelancongan Sabah (STB).

Walau bagaimanapun, kajian ini juga akan menggunakan data premier untuk membuat pengukuran. Data premier merujuk kepada maklumat yang diperolehi secara terus oleh penyelidik ke atas pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini. Dalam erti kata lain, kaedah untuk mengumpul data premier adalah melalui soal selidik. Tujuan mengumpul data dengan kaedah menggunakan soal selidik adalah untuk menentukan sejauh mana faktor kemudahan infrastruktur mempengaruhi tingkat kedatangan pelancong dalam negara.

3.4 PEMBENTUKAN SOAL SELIDIK

Format soalan dibentuk dalam kajian ini adalah soalan terbuka, soalan tertutup, skala Likert (*Likert Scale*) dan pilihan dikotomi. Kajian ini menggunakan sampel sebanyak 150 responden. Responden yang akan diambil adalah pelancong tempatan yang melawat Negeri Sabah. Contohnya, pelancong yang akan diambil adalah daripada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan juga Sarawak. Hal demikian adalah disebabkan kajian ini hanya mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik (dalaman) ke negeri Sabah. Soal selidik yang dibuat adalah dalam bahasa Melayu.

Responden akan dipilih secara rawak di sekitar kawasan destinasi bancian yang akan dipilih. Kawasan yang dipilih untuk menyempurnakan proses bancian adalah seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) iaitu Terminal 1 dan Terminal 2. Tempat ini dipilih sebagai kawasan bancian adalah disebabkan kedua-dua kawasan ini merupakan laluan utama para pelancong masuk dan keluar ke negeri Sabah. Kedua-dua lapangan terbang anatarbangsa yang dipilih adalah disebabkan kedua-dua tempat ini merupakan pintu masuk utama pelancong daripada dalam dan luar negara. Selain itu, pemilihan kedua-dua tempat ini sebagai kawasan bancian utama dapat mengurangkan kos.

Selain daripada kawasan tersebut, beberapa tempat strategik yang menjadi tumpuan pelancong juga akan dipilih untuk membanci iaitu di jeti *Jesselton Point*, perhentian bas *Bandaraya Kota Kinabalu*, serta pusat membeli belah iaitu One Borneo yang kini terkenal sebagai pusat membeli belah terbesar di negeri Sabah. Kawasan yang dipilih merupakan kawasan diberi tumpuan utama sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, soal selidik dijalankan di kawasan tertentu supaya liputan kajian soal selidik akan lebih sempurna.

Soal selidik yang akan dibuat terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Tujuan pembahagian dalam soal selidik adalah untuk mengurangkan berlakunya penyelewangan semasa memasukkan data ke dalam komputer. Pengurangan penyelewangan dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat. Bahagian A merujuk kepada latar belakang responden. Bahagian ini bertujuan mengenalpasti bahawa responden merupakan pelancong domestik (dalaman).

Bahagian B merupakan bahagian mengenai tujuan lawatan para pelancong ke negeri Sabah. Tujuan utama pelancong datang untuk melawat merujuk kepada bercuti, perniagaan ataupun berhenti seketika. Bahagian ini juga mengkaji kekerapan lawatan pelancong datang untuk melawat negeri Sabah. Kekerapan kedatangan pelancong dapat mengenalpasti bahawa tahap daya tarikan destinasi pelancongaan di negeri Sabah mampu menarik minat untuk membuat lawatan semula ke negeri Sabah. Selain itu, bahagian ini juga dapat mengkaji bahawa tahap kepopularan destinasi pelancongan Sabah.

Bahagian C pula merujuk kepada tahap kepuasan para pelancong terhadap kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan di negeri ini. Bahagian ini merupakan bahagian yang terpenting untuk kajian ini. Tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan infrastruktur merupakan salah satu faktor menyebabkan pelancong berminat untuk melawat semula. Di samping itu, bahagian ini dapat menentukan sejauh mana kualiti kemudahan infrastruktur sektor pelancongan yang ditawarkan di negeri Sabah. Kesedaran tahap kualiti kemudahan infrastruktur pelancongan ini dapat mendorong agensi sektor pelancongan berusaha untuk meningkatkan kualiti yang lebih tinggi berbanding yang sedia ada.

Akhirnya, Bahagian D merupakan bahagian cadangan yang diberi oleh responden untuk meningkatkan kualiti kemudahan infrastruktur sektor pelancongan. Agensi pelancongan juga berpeluang untuk mengetahui keperluan ataupun permintaan daripada pelancong dan seterusnya membuat perubahan bagi menarik minat pelancong untuk melawat semula ke negeri Sabah. Cadangan yang didapati merupakan cadangan yang

agak penting bagi pembangunan pelancongan untuk menarik minat kedatangan pelancong dan seterusnya pendapatan pelancongan (*tourism receipt*) dapat ditingkatkan.

3.5 PENGUJIAN MODEL

3.5.1 Analisis Korelasi

Analisis korelasi merujuk kepada analisis yang mengukur hubungan linear atau kekuatan antara dua pembolehubah. Dalam korelasi, kedua-dua pembolehubah dianggap sebagai pembolehubah rawak yang bersifat stokastik kerana dalam analisis korelasi tidak ditentukan sama ada pembolehubah X bergantung kepada Y ataupun Y bergantung kepada X. Pembolehubah dalam analisis korelasi ini adalah faktor penawaran iaitu jumlah bilik penginapan yang ditawarkan oleh sektor pelancongan di negeri Sabah dan jumlah kedatangan pelancong dalam negeri.

Dalam erti kata lain, analisis korelasi dalam kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan linear atau kekuatan antara jumlah bilik penginapan dengan jumlah kedatangan pelancong. Data-data yang dikumpul adalah berasaskan tahunan atau dikenali sebagai data siri masa. Data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan tempoh masa empat tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2007. Data tahunan yang diambil kira dalam kajian ini seperti jumlah kedatangan pelancong domestik dan jumlah bilik penginapan.

3.6 KESIMPULAN

Kajian ini menggunakan tiga kaedah untuk membuat analisis iaitu analisis diskriptif, analisis korelasi dan graf. Manakala data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder dan data premier. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data premier adalah melalui soal selidik manakala data sekunder dikumpulkan dari agensi-agensi kerajaan yang menerbitkan statistik tahunan negeri ataupun negara.

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Pelancongan merupakan salah satu sektor yang memainkan peranan penting dalam sumbangan pendapatan bagi negeri Sabah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

Penganalisan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan bahagian yang menganalisis faktor penawaran yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sabah dengan analisis deskriptif dan output yang didapati daripada *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Faktor penawaran dalam bahagian ini adalah seperti kebersihan destinasi pelancongan dan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan.

Bahagian kedua pula, analisis korelasi dibuat untuk mengkaji kekuatan hubungan linear antara jumlah bilik penginapan dengan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sabah. Akhirnya, impak sektor pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi diterangkan di bahagian tiga dalam bab ini melalui graf ataupun gambarajah.

4.2 KAEDAH SOAL SELIDIK

Soal selidik ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana faktor penawaran mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik. Soal selidik merupakan satu set soalan yang telah dirangka terlebih dahulu di mana responden akan memberikan persepsi mereka

terhadap faktor penawaran yang ditawarkan oleh sektor pelancongan di negeri Sabah. Respondan yang diambil dalam kajian ini adalah jumlah kedatangan pelancong domestik iaitu jumlah kedatangan pelancong yang berasal dari negara Malaysia. Pelancong domestik merujuk kepada pelancongan dalaman dan dalam negara. Contohnya, rakyat negeri Sabah menerima kunjungan dan lawatan rakyat negeri Terengganu. Pelancong Terengganu itu dikenali sebagai pelancong domestik. Selain itu, soal selidik juga merupakan satu kaedah yang efisien dan fleksibel untuk mengumpul data dengan menghuraikan apa yang difikirkan oleh pelancong terhadap sektor pelancongan negeri ini.


Soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden dikutip dan dianalisa dengan menggunakan perisian “ *Statistical Package For Social Science Version 15.0 for Windows*” untuk mendapatkan data yang tepat. Seramai 150 responden diambil dalam kajian ini. Respondan yang dipilih adalah berasal dari Malaysia. Analisa terhadap soal selidik dapat menunjukkan sama ada faktor penawaran sektor pelancongan iaitu dari segi kemudahan infrastruktur dan tingkat kebersihan akan memberi kesan ke atas pertumbuhan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sabah.

4.2.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif memberi gambaran umum terhadap data yang diperolehi daripada kaedah soal selidik. Analisis ini merupakan salah satu teknik persembahan data yang berkesan dalam menarik perhatian pembaca serta mengurangkan penulisan yang panjang. Semua data yang diperolehi daripada kaedah soal selidik diterangkan dalam bentuk kekerapan (*frequencies*).

4.2.1.1 Jantina

Rajah 4.2.1.1 : Peratusan Mengikut Jantina



Rajah 4.2.1.1 menunjukkan 55.3 peratus iaitu sebanyak 83 responden adalah lelaki dan 44.7 peratus iaitu 67 responden adalah perempuan.

4.2.1.2 Responden Mengikut Negeri

Jadual 4.2.1.2 Jumlah Responden Mengikut Negeri Dan Wilayah Persekutuan


Negeri	Jumlah Responden	Peratus (%)
Johor	18	12.0
Kedah	21	14.0
Kelantan	6	4.0
Terengganu	1	.7
Melaka	4	2.7
Negeri Sembilan	5	3.3
Pahang	11	7.3
Perak	8	5.3
Perlis	6	4.0
Pulau Pinang	16	10.7
Sabah	8	5.3
Sarawak	12	8.0
Selangor	9	6.0
Labuan	2	1.3
Kuala Lumpur	23	15.3
Jumlah	150	100

Responden dalam kajian ini diambil secara rawak daripada destinasi pelancongan tertentu. Tempat yang dipilih adalah jeti *Jesselton Point*, perhentian bas *Bandaraya Kota Kinabalu, One Borneo* yang kini terkenal sebagai pusat membeli belah terbesar di negeri Sabah dan kawasan sekitar Kota Kinabalu seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) iaitu Terminal 1 dan Terminal 2.

Hasil daripada bancian yang telah dibuat menunjukkan responden adalah berasal daripada 13 negeri dan dua wilayah Persekutuan Malaysia. Responden yang terbanyak adalah berasal dari Kuala Lumpur (23 orang) dan diikuti negeri Kedah (21 orang). Manakala jumlah responden yang paling sedikit adalah responden yang berasal daripada negeri Terengganu sebanyak seorang sahaja.

4.2.1.3 Kumpulan Umur Pelancong


Rajah 4.3.2.1 Latarbelakang Respondan Mengikut Umur



Kebanyakan pelancong yang melawat ke negeri Sabah adalah berumur antara 20 hingga 49 tahun ke atas. Mereka yang berumur kurang dari 20 tahun dan lebih daripada 60 tahun adalah sedikit iaitu hanya 4 peratus dan 3.3 peratus. Perbezaan dapat dilihat secara jelas dalam Rajah 4.3.2.1.

4.2.1.4 Kumpulan Bangsa Responden

Rajah4.2.1.4 Latarbelakang Respondan Mengikut Bangsa



Kebanyakan responden bancian adalah berbangsa Melayu dan Cina dan seterusnya adalah India. Responden yang berbangsa Melayu adalah 73 orang (48.7 peratus). Selain itu, responden yang dikategorikan lain-lain adalah terdiri daripada responden yang berbangsa Iban, Murut, Kadazan dan Bidayuh.

4.2.1.5 Jenis Pekerjaan Responden

Jadual 4.2.1.5 Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Bilangan (Responden)	Peratus (%)
Sektor swasta	17	11.3
Sektor awam	37	24.7
Bekerja sendiri	32	21.3
Profesional/teknikal	17	11.3
Suri rumah/pelajar	39	26.0
Pesara	8	5.3
Jumlah	150	100

Sumber: SPSS

Jadual 4.2.1.5 menunjukkan bahawa 26 peratus responden adalah suri rumah atau pun pelajar iaitu sebanyak 39 orang. Jumlah jenis pekerjaan responden yang kedua terbesar adalah responden yang bekerja dalam sektor awam iaitu 37 orang (24.7 peratus). Jumlah responden yang paling sedikit adalah 5.3 peratus iaitu pelancong yang telah menjadi pesara.

4.2.1.6 Mod Bercuti Responden

Jadual 4.2.1.6 Mod Bercuti Responden

Mod Bercuti	Bilangan (Responden)	Peratus (%)
Seorang diri	74	49.3
Berkeluarga	59	39.3
Pakej	4	2.7
Kelab	12	8.0
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	150	100

Sumber: SPSS

Mod bercuti boleh dibahagi kepada empat kategori iaitu bercuti dengan seorang diri, berkeluarga, pakej, kelab dan lain-lain. Mod bercuti yang paling tinggi adalah sebanyak

74 orang (49.3 peratus). Manakala jumlah mod bercuti yang paling sedikit adalah lain-lain seperti belajar iaitu hanya seorang sahaja.

4.2.2 Profil Mengenai Pelancong Melawat Ke Negeri Sabah

4.2.2.1 Tujuan Pelancongan

Jadual 4.2.2.1 Tujuan Lawatan Pelancong Ke Negeri Sabah

Tujuan	Bilangan (Respondan)	Peratus
Bercuti	115	76.7
Perniagaan	26	17.3
Berhenti seketika	8	5.3
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	150	100

Sumber: SPSS

Berdasarkan Jadual 4.2.2.1, tujuan utama pelancong datang ke Sabah adalah untuk bercuti iaitu sebanyak 115 orang (76.7 peratus) dan diikuti responden yang datang negeri ini adalah untuk perniagaan iaitu sebanyak 26 orang (17.3 peratus). Seterusnya, responden yang berhenti seketika adalah sebanyak lapan orang (5.3 peratus). Manakala tujuan melawat yang rendah sekali adalah tujuan lain-lain seperti tujuan belajar iaitu sebanyak seorang responden.

4.2.2.2 Tempoh Lawatan

Jadual 4.2.2.2 Tempoh Lawatan

Tempoh	Bilangan (Responden)	Peratus (%)
Berhenti seketika	8	5.3
2 hari 1 malam	12	8.0
3 hari 2 malam	109	72.7
Lain-lain	21	14.0
Jumlah	150	100

Sumber: SPSS

Jadual 4.2.2.2 menunjukkan tempoh lawatan para pelancong. Tempoh pelancongan boleh dikategorikan kepada berhenti seketika, dua hari dan satu malam, tiga hari dan dua malam dan lain-lain. Tempoh pelancongan yang paling tinggi adalah selama tiga hari dua malam iaitu sebanyak 109 orang (72.67 peratus) dan diikuti lain-lain iaitu sebanyak 21 orang (14 peratus). Tempoh yang dikategori dalam lain-lain merupakan tempoh pelancongan responden lebih daripada tiga hari. Walau bagaimanapun, responden yang berhenti seketika adalah sebanyak lapan orang (5.3 peratus).

Agensi pemasaran tunggal pelancongan negeri Sabah iaitu Lembaga Pelancongan Sabah mempunyai matlamat untuk meningkatkan jangka masa pelawat tinggal di tempat lawatan dari 7 malam kepada 10 malam dan untuk menggalakkan peningkatan perbelanjaan oleh pelawat dari RM237 kepada RM300 sehari (*Sabah Tourism Promotion Corporation 2003*).

4.2.2.3 Pengetahuan Responden Terhadap Negeri Sabah

Jadual 4.2.2.3 Pengetahuan Responden Terhadap Negeri Sabah

	Bilangan (Responden)	Peratus (%)
Agen kembara	6	4.0
Buku pelancongan	12	8.0
Melalui sekolah/ persatuan	7	4.7
Kawan/ saudara	75	50.0
Suratkhabar/ majalah	14	9.3
Brosur/ bahan promosi	7	4.7
World Wide Web (WWW)	16	10.7
Lembaga penggalakkan pelancongan Malaysia	3	2.0
Pengalaman peribadi	9	6.0
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	150	100

Sumber: SPSS

Pelbagai cara membolehkan para pelancong untuk mengetahui negeri Sabah. Walau bagaimanapun, cara yang terbaik dan terbanyak adalah melalui kawan ataupun saudara. Cara ini merupakan satu cara pemindahan informasi secara visual daripada seseorang individu kepada individu yang lain.

4.2.3 Analisis Model Kajian

4.2.3.1 Analisis Berbilang

Jadual 4.2.3.1 : Analisis Regresi Bagi Faktor Penawaran Yang Terpilih Ke Atas Jumlah Kedatangan Pelancong Domestik

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t		Sig.
	B	Std. Error	Beta	B	Std. Error	
(Constant)	0.008	0.018		0.429		.669
Kebersihan	0.756	0.054	0.785	13.913		.000
Kemudahan infrastruktur	0.153	0.062	0.141	2.495		.014

a Dependent Variable: Jumlah kedatangan pelancong

Sumber : Hasil kajian SPSS

Berdasarkan Jadual 4.2.3.1, model kajian dapat dibentuk:

$$Fre_i = \beta_0 + \beta_1 Cle_i + \beta_2 Infra_i + \varepsilon \quad (1)$$

$$Fre_i = 0.008 + 0.756 Cle_i + 0.153 Infra_i + \varepsilon \quad (2)$$

$$R^2 = 0.805 \quad (3)$$

Di mana,

Fre_i = Jumlah kedatangan pelancong domestik (dalaman)

Cle_i = Tahap kepuasan kebersihan destinasi tempat pelancongan

$Infra_i$ = Tahap kepuasan kemudahan Infrastruktur yang ditawarkan

ε = ralat

Sabah merupakan negeri yang mempunyai keunikan dalam keindahan alam semulajadi seperti di Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Pulau Sipadan, Pulau Gaya, Pulau Manukan, Pulau Tiga, dan Pusat Rehabilitasi Orang Utan Sepilok serta beberapa tempat lain lagi. Selain itu, negeri ini mempunyai keluasan tanah sebesar 74,500 kilometer persegi.

Dalam erti kata lain, lokasi kawasan pelancongan adalah terletak jauh antara satu sama lain. Pelancong akan mengalami masalah iaitu pergerakan daripada satu destinasi pelancongan kepada destinasi yang lain. Oleh sebab itu, kemudahan infrastruktur merupakan faktor yang agak penting untuk memudahkan pergerakan para pelancong. Kemudahan infrastruktur yang ditawarkan adalah seperti lapangan terbang, kemudahan teksi, kemudahan bas persiaran dan tandas awam.

Berdasarkan model regresi (1) yang telah dibentuk pembolehubah bebas terdiri daripada tingkat kepuasan pelancong terhadap kebersihan dan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan Sabah. Tingkat kebersihan adalah terdiri daripada kebersihan bandar, luar bandar, lokasi pelancongan dan tandas awam. Manakala kemudahan infrastruktur adalah dari segi jalan raya, pengangkutan dan juga penginapan. Tujuan model regresi ini dibentuk adalah untuk melihat sejauhmana faktor penawaran mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik (dalaman).

Nilai R^2 yang didapati adalah 0.805. Dalam erti kata lain, sebanyak 80.5 peratus variasi atau pun perubahan dalam pembolehubah bersandar iaitu jumlah kedatangan pelancong domestik (dalaman) melawat negeri Sabah dapat diterangkan oleh kedua-dua pembolehubah bebas iaitu tahap kepuasan kebersihan dan kemudahan infrastruktur.

Di samping itu, hasil kajian juga dapat menunjukkan nilai koefisien (*Coefficient*) bagi setiap pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Nilai koefisien merupakan nilai yang boleh menerangkan kesan pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas bagi tahap kepuasan kebersihan mempunyai nilai koefisien iaitu 0.756. Dalam erti kata lain, pertambahan satu tahap kepuasan dalam kebersihan akan menyebabkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong domestik sebanyak lapan pelancong. Hal demikian dapat menunjukkan bahawa hubungan antara tahap kebersihan dan jumlah kedatangan pelancong adalah positif.

Kemudahan infrastruktur juga merupakan salah satu faktor penawaran yang dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian dapat menunjukkan bahawa hubungan antara kemudahan infrastruktur dengan jumlah kedatangan pelancong domestik (dalaman) berminat untuk melawat ke Negeri Sabah adalah secara langsung. Kemudahan infrastruktur yang stabil akan dapat menarik minat pelancong untuk membuat lawatan ke negeri ini. Pembolehubah bebas iaitu kemudahan infrastruktur mempunyai nilai koefisien iaitu 0.153. Dalam erti kata lain, pertambahan satu tahap kepuasan dalam kemudahan infrastruktur akan menyebabkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong domestik sebanyak dua pelancong. Berdasarkan model regresi (2), hubungan antara kemudahan infrastruktur dan jumlah kedatangan pelancong domestik adalah positif. Berdasarkan jadual 4.2.3.1, pengujian t dapat ditunjukkan satu persatu seperti di bawah:

a) Tahap kepuasan kebersihan destinasi tempat pelancongan

Bagi faktor yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong pertama adalah tahap kepuasan kebersihan destinasi tempat pelancongan dan hipotesisnya dapat dibentuk seperti di bawah:

H_0 : Tahap kebersihan destinasi pelancongan tidak mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.

H_1 : Tahap kebersihan destinasi pelancongan mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.

Aras keyakinan telah ditetapkan pada tahap 5 peratus iaitu aras keyakinan yang bersesuaian dalam kajian ini. Keputusan dapat dilakukan dengan melihat kepada nilai signifikan atau nilai p yang diperolehi daripada analisis. Bagi pembolehubah bebas iaitu tahap kebersihan destinasi pelancongan, hipotesis null (H_0) dapat ditolak disebabkan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.000 iaitu kurang daripada aras keyakinan 0.05. hal demikian menunjukkan hipotesis null adalah salah dan dapat bukti yang kukuh bahawa pembolehubah bebas iaitu tahap kebersihan destinasi pelancongan adalah signifikan terhadap jumlah kedatangan pelancong domestik di negeri Sabah.

b) Infra_i = Tahap kepuasan kemudahan Infrastruktur yang ditawarkan

Bagi faktor yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong kedua adalah tahap kepuasan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan dan hipotesisnya dapat dibentuk seperti di bawah:

- H_0 : Tahap kepuasan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan tidak mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.
- H_1 : Tahap kepuasan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.

Aras keyakinan telah ditetapkan pada tahap 5 peratus iaitu aras keyakinan yang bersesuaian dalam kajian ini. Keputusan dapat dilakukan dengan melihat kepada nilai signifikan atau nilai p yang diperolehi daripada analisis. Bagi pembolehubah bebas iaitu tahap kepuasan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan, hipotesis null (H_0) dapat ditolak disebabkan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.014 iaitu kurang daripada aras keyakinan 0.05. hal demikian menunjukkan hipotesis null adalah salah dan dapat bukti yang kukuh bahawa pembolehubah bebas iaitu tahap keberihan destinasi pelancongan adalah signifikan terhadap jumlah kedatangan pelancong domestik di negeri Sabah.

4.3 ANALISIS KORELASI

Analisis korelasi yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengukur darjah atau kekuatan antara dua pembolehubah. Pembolehubah dalam analisis korelasi ini adalah faktor penawaran iaitu jumlah bilik penginapan yang ditawarkan oleh sektor pelancongan di negeri Sabah dan jumlah kedatangan pelancong dalam negeri. Dalam erti kata lain, analisis korelasi dalam kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan antara jumlah bilik penginapan dengan jumlah kedatangan pelancong.

4.3.1 Kekuatan Hubungan Antara Jumlah Bilik Penginapan Dengan Jumlah Kedatangan Pelancong

Jadual 4.3.1 : Kekuatan Antara Jumlah Bilik Penginapan Dengan Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Negeri Sabah

		Ketibaan pelancong	Bilik penginapan
Ketibaan pelancong	Pearson Correlation	1	.968(*)
	Sig. (2-tailed)		.032
	N	4	4
Bilik penginapan	Pearson Correlation	.968(*)	1
	Sig. (2-tailed)	.032	
	N	4	4

* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Sumber : Korelasi Bivariate, hasil kajian SPSS

Jumlah bilik yang ditawarkan oleh sektor pelancongan merupakan salah satu faktor penawaran (*Andrea Saayman, 2008*). Jadual 4.3.1 menunjukkan kekuatan hubungan antara faktor penawaran iaitu jumlah bilik yang ditawarkan dengan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Sabah. Jumlah ketibaan pelancong yang diambil adalah pelancong dalaman (domestik) iaitu pelancong dalam Malaysia. Tempoh yang digunakan dalam kajian ini adalah bermula dari tahun 2004 hingga 2007 iaitu sebanyak empat tahun. Tempoh ini digunakan dalam kajian ini adalah disebabkan faktor penawaran iaitu jumlah bilik penginapan yang ditawarkan direkod mulai tahun 2004. Nilai bagi kekuatan antara faktor penawaran dengan jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini adalah 0.968.

4.4 GRAF

Bahagian ini menerangkan hubungan antara dua pembolehubah melalui jadual, gambarajah graf bar, graf garis ataupun graf gabungan garis dan bar.

4.4.1 Hubungan kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Negeri Sabah

Jadual 4.4.1 Jumlah kedatangan Pelancong Dan KDNK Negeri Sabah, Tahun 1996-2006

Tahun	Kedatangan Pelancong Domestik	Kadar Pertumbuhan Jumlah Kedatangan Pelancong Domestik (%)	KDNK Sabah (RM juta)	Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Sabah (%)
1996	279931	-	8454	-
1997	204105	-27.09	8980	6.22
1998	158386	-22.4	8700	-3.12
1999	148060	-6.52	9100	4.6
2000	365537	146.88	12000	31.87
2001	512514	40.21	12200	1.67
2002	579092	12.99	13007	6.61
2003	681742	17.73	13756	5.76
2004	980963	43.89	13333	-3.08
2005	1067677	8.84	13074	-1.94
2006	1340735	25.57	16000*	22.38

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah/ Lembaga Pelancongan Sabah*


**anggaran (quoted from Sabah Development Corridor Blueprint, 2008-2005)*

Jadual 4.4.1 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK Negeri Sabah) dalam tempoh 11 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga tahun 2006. Jumlah kedatangan pelancong domestik mengalami penurunan mulai tahun 1997 sehingga tahun 1999. Penurunan dalam jumlah kedatangan pelancong domestik adalah disebabkan berlaku Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997. Krisis Kewangan Asia Krisis Asia berpengaruh ke mata wang, pasar saham, dan harga aset lainnya di beberapa negara Asia.

Di samping itu, terdapat peristiwa penculikan oleh kumpulan Abu Sayyaf pada 23 April 2000 di Pulau Sipadan yang membabitkan 21 orang iaitu terdiri daripada 12 pelancong asing, lapan pekerja resort dan seorang anggota polis tetapi jumlah kedatangan pelancong domestik tetap mengalami peningkatan secara mendadak iaitu sebanyak 146.88 peratus. Hal demikian dapat membuktikan bahawa tragedi kes penganas di Pulau

Sipadan tidak mempengaruhi minat pelancong domestik datang untuk melawat dan seterusnya jumlah kedatangan pelancongan mengalami peningkatan sehingga kini.

Rajah 4.4.1 Kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Sabah



Ekonomi negeri Sabah bergantung kepada eksport komoditi utamanya seperti minyak kelapa sawit, koko, getah, petroleum, kayu balak dan papan lapis. Hal ini adalah disebabkan negeri ini kaya dengan sumber-sumber semulajadi seperti hutan, galian, fauna dan flora. Selain daripada sektor kayu-kayan dan pertanian dan sektor perkilangan, sektor pelancongan memainkan peranan penting sebagai sumber ekonomi negeri Sabah. Sektor pelancongan dikatakan berfungsi sebagai penjana hasil pendapatan negara melalui perbelanjaan pelancong sekiranya dilihat dari segi ekonomi (Ong Puay Liu, 2005). Dalam noda yang sama, pelancongan juga berperanan dalam penjana hasil pendapatan bagi

hasil pendapatan Sabah. Perbelanjaan pelancong juga dinamakan sebagai pendapatan pelancong (*tourism receipt*).

Gambarajah 4.4.1 dapat menjelaskan prestasi sektor pelancongan dan impak sektor pelancongan kepada ekonomi negeri Sabah. Berdasarkan rajah 4.4.1, tempoh yang diambil adalah dari tahun 1996 sehingga tahun 2006. Jumlah kedatangan pelancong adalah diberi perhatian yang berat dalam sektor pelancongan. Hal ini adalah disebabkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong akan meningkatkan perbelanjaan pelancong dan seterusnya dapat meningkatkan hasil negeri Sabah iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah. Berdasarkan gambarajah 4.4.1, pertumbuhan sektor pelancongan mengalami beberapa kali kejutan dalam tempoh sebelas tahun (tahun 1996 hingga tahun 2006).


Jumlah kedatangan pelancong domestik telah mengalami penurunan iaitu sebanyak 27.09 peratus sepanjang tahun 1997. Walau bagaimanapun, jumlah KDNK negeri tidak dipengaruhi oleh jumlah kedatangan pelancong domestik dan sebaliknya ia mengalami peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi negeri ini. Penurunan dalam jumlah kedatangan pelancong domestik diteruskan sehingga tahun 1999. Penurunan ini adalah disebabkan berlakunya krisis kewangan mulai Julai tahun 1997. Kejatuhan nilai mata wang dunia memberi kesan yang agak besar terhadap ekonomi negara-negara Asia. Walaupun Malaysia bukan negara yang paling teruk terkena kesan krisis ekonomi tetapi pertumbuhan ekonomi negara Malaysia ketika itu tetap merosot.

Walaupun bagaimanapun, keadaan ekonomi bertambah baik mulai tahun 2000. Berdasarkan Jadual 4.4.1, jumlah kedatangan pelancong meningkat daripada 10.2 juta pelancong kepada 12.7 juta pelancong manakala hasil daripada pendapatan pelancong turut meningkat daripada RM17335.4 juta kepada RM24221.5 juta. Beberapa kempen telah ditubuhkan untuk menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa iaitu Sukan Pelancongan, Cuti-cuti Malaysia, Program Pelancongan Pelajar dan Citra Warna Malaysia.

Kempen-kempen yang telah dilaksanakan memberi manfaat kepada sektor pelancongan di negeri Sabah. Pada tahun 2000, jumlah kedatangan pelancong domestik meningkat kepada 365537 juta pelancong berbanding tahun 1999 iaitu hanya terdapat sejumlah 148060 juta orang sahaja. Dalam erti kata lain, peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong domestik sebanyak 146.88 peratus pada tahun 2000. Peningkatan ini memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini yakni berlaku peningkatan KDNK negeri ini sebanyak RM200 juta.


4.4.2 Hubungan Antara Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Bagi Negeri Sabah Dengan Pendapatan Pelancong (*Tourism Receipt*)

Rajah 4.4.2 Sumbangan Sektor Utama Negeri Sabah, Tahun 2005 (%)



Dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Sabah (RRJPS), sumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sabah melalui subsektor Restoran dan hotel telah meningkat daripada 0.4 peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2005 (rujuk rajah 4.4.2).

Rajah 4.4.3 Pendapatan Pelancong (Tourism Receipt) Dan KDNK Sabah, Tahun 1999-2006




Rajah 4.4.2 menunjukkan sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Pembolehubah yang digunakan adalah pendapatan pelancongan (*tourism receipt*). Pendapatan pelancongan merujuk kepada jumlah hasil yang didapati daripada jumlah perbelanjaan pelancong.

Tempoh yang diambil dalam kajian ini adalah selama lapan tahun iaitu dari tahun 1999 hingga 2006. Apabila berlaku peningkatan dalam jumlah pendapatan pelancongan akan memberi kesan positif kepada hasil pendapatan negeri iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sabah. Hubungan positif antara pendapatan pelancongan dengan KDNK negeri Sabah dapat dilihat dengan jelas melalui rajah 4.4.3.

4.4.3 Hubungan Antara Pendapatan Pelancong (KDNK per kapita – negara asal pelancong) dengan Jumlah Kedatangan Pelancong

Rajah 4.4.4 Kedatangan Pelancong Domestik Dan KDNK Per Kapita Malaysia, Tahun 1995-2006



KDNK per kapita negara asal pelancong memberi kesan kepada rakyatnya membuat pelancongan ke luar negara (*Chien-Chiang L. dan Chun Ping C., 2007*),.

Keluaran Dalam Negara Kasa (KDNK) per kapita Malaysia digunakan dalam kajian ini adalah disebabkan kawasan kajian adalah di negeri Sabah dan kedatangan pelancong domestik.

Tempoh yang diambil untuk kajian ini bermula dari tahun 1995 sehingga tahun 2006 iaitu selama 12 tahun. Sumber-sumber data yang didapati berasal dari Jabatan Perangkaan Malaysia dan Lembaga Pelancongan Sabah. Berdasarkan rajah 4.4.4, jumlah kedatangan pelancong domestik adalah dipengaruhi oleh KDNK per kapita Malaysia. Jumlah kedatangan pelancong domestik telah mengalami penurunan dari tahun 1995 hingga 1999 tetapi KDNK per kapita Malaysia tetap meningkat dari tahun 1995 hingga 1997. Jumlah KDNK per kapita Malaysia mengalami penurunan dari tahun 1997 adalah disebabkan krisis kewangan Asia.

4.5 KESIMPULAN

Secara umumnya, ke semua hasil analisis yang telah dibuat dalam kajian ini dan dapat membuktikan bahawa terdapat kejayaan dalam kajian pengkaji iaitu objektif umum kajian telah dicapai iaitu menganalisis pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Ke semua hasil analisis menunjukkan hubungan impak sektor pelancong kepada pertumbuhan negeri adalah signifikan.

Analisa dari soal selidik dapat menggambarkan bahawa faktor penawaran iaitu tahap kebersihan dan kemudahan infrastruktur mempengaruhi pelancong domestik untuk membuat pelancongan ke negeri Sabah. Ini dapat menunjukkan bahawa pembangunan dalam kemudahan infrastruktur negeri amat penting kepada sektor pelancongan. Di samping itu, pembangunan dalam kemudahan infrastruktur dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Hasil kajian dapat menunjukkan pertumbuhan dalam sektor pelancongan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi empat bahagian iaitu ringkasan kajian, dapatan kajian, cadangan kajian dan kesimpulan. Bahagian ringkasan kajian menjelaskan secara ringkas tentang objektif kajian, sampel kajian, dan kaedah analisis data. Dalam dapatan kajian pula menyatakan semula dapatan kajian mengikut urutan objektif kajian dan seterusnya membincangkan sama ada objektif kajian dapat dicapai atau sebaliknya. Cadangan kajian merupakan bahagian mencadangkan langkah yang dapat meningkatkan kualiti sektor pelancongan di negeri Sabah.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Berikut adalah rumusan tentang objektif dan kaedah kajian yang telah dibuat tentang kajian terhadap pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dengan beberapa faktor yang dikaji. Terdapat tiga objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu :

1. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kedatangan pelancong dalaman (domestik) di negeri Sabah.
2. Menilai prestasi sektor pelancongan negeri Sabah.
3. Menganalisis impak sektor pelancongan kepada ekonomi negeri Sabah.

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan beberapa kajian lepas. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini merupakan analisis deskriptif, analisis berdasarkan graf, analisis korelasi dan satu set soal selidik dibina untuk mengkaji faktor-faktor penawaran yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong iaitu:

- a) Bahagian A – profil responden.
- b) Bahagian B – maklumat mengenai tujuan kedatangan pelancong domestik.
- c) Bahagian C – tahap kepuasan faktor penawaran yang ditawarkan oleh sektor pelancongan negeri Sabah seperti tahap kebersihan destinasi pelancongan dan kemudahan infrastruktur.
- d) Bahagian D – Rumusan dan cadangan

Program Statistical Package For The Social Sciences (SPSS, version 15.0) digunakan untuk perisian data yang diperolehi untuk membuat penganalisaan.

5.3 DAPATAN KAJIAN

Pelancongan merupakan aktiviti seseorang pengembara ke sesuatu destinasi yang bersifat keseronokan ataupun menerokai keindahan alam sekitar. Aktiviti pelancongan mempunyai banyak kelebihan iaitu apabila seseorang membuat pelancongan ke sesuatu destinasi pelancongan dia dapat mengurangkan beban orang tersebut. Selain itu, aktiviti pelancongan dapat meningkatkan ilmu seseorang dan ilmu ini biasanya tidak didapat dari mana buku. Kelebihan pelancongan kepada sesebuah negeri ataupun negara ialah jumlah hasil pendapatan pelancongan (*tourism receipt*). Jumlah pendapatan pelancongan diperolehi daripada jumlah perbelanjaan yang dibelanja oleh seseorang dalam aktiviti pelancongan.

Tujuan kajian ini adalah menganalisis pertumbuhan sektor pelancongan dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Pertumbuhan sektor pelancongan boleh dilihat dari segi jumlah kedatangan pelancong manakala jumlah kedatangan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Jumlah kedatangan pelancong yang diambil dalam kajian ini adalah jumlah kedatangan pelancong domestik. Faktor-faktor yang mempengaruhi kedatangan pelancong di negeri Sabah adalah seperti jumlah penginapan yang ditawarkan, kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan serta tahap kebersihan destinasi pelancongan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah kedatangan pelancong dipengaruhi oleh penginapan yang ditawarkan dalam analisis korelasi. Nilai kekuatan antara faktor penginapan yang ditawarkan dengan jumlah kedatangan pelancong domestik ke negeri ini adalah 0.968.

Selain itu, kaedah soal selidik digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis faktor penawaran yang mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik melawat negeri Sabah. Faktor penawaran adalah seperti tahap kebersihan destinasi tempat pelancongan dan juga kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh sektor pelancongan negeri ini. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua faktor ini mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.

Kedua-dua faktor ini adalah signifikan terhadap jumlah kedatangan pelancong domestik. Nilai p ataupun nilai signifikan bagi tahap kebersihan destinasi pelancongan dan tahap kemudahan infrastruktur yang ditawarkan adalah 0.000 dan 0.014 iaitu kurang daripada nilai aras keertian 0.05. Dalam erti kata lain, keadaan ini bermaksud hipotesis null ditolak dan dapat membuktikan bahawa faktor penawaran mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik.

Dapatan kajian mendapati bahawa sektor pelancongan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Apabila berlaku peningkatan jumlah hasil pendapatan pelancongan (*tourim receipt*) akan memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) negeri ini.

5.4 CADANGAN

Terdapat beberapa batasan dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian ini iaitu saiz sampel yang didapati tidak sejajir dengan yang dicadang. Justeru, banyak kekurangan yang terdapat dalam kajian ini. Namun begitu, sekurang-kurangnya kajian ini telah menjadi perintis dalam membuka laluan ke arah kajian yang lebih menyeluruh. Di samping itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh menjadi panduan kepada pihak pembangunan sektor pelancongan seperti Lembaga Pelancongan Sabah (*STB*) dan juga pihak kerajaan.

a) **Memperhebatkan promosi**

Pelbagai acara untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk pelancongan akan dilangsungkan seperti *Sabah Fest*, *Mount Kinabalu International Climbathon*, *Tadau Kaamatan*, *Tip Of Borneo Symphony Orchestra*, *Sabah Dragon Boat Race*, *Kiulu 4M Challenge*, *4X4 Borneo Safari*, *Regatta Lepa*, Tamu Besar Kota Belud, Pesta Rumpia, Pesta Kelapa dan Hari Peringatan Sandakan. Salah satu laman web yang boleh mendapat maklumat mengenai destinasi pelancongan negeri Sabah adalah berikut: <http://www.sabahtourism.com> .

b) **Membangunkan sumber-sumber setempat yang berpotensi**

Program Pelancongan Desa dan Tinggal Bersama (Program Homestay Eco-Tourism) menawarkan kepada kedatangan pelancong gaya penginapan istimewa yang memberi penekanan kepada layanan mesra di kediaman penduduk tempatan dengan dikenakan bayaran yang berpatut. Program ini diperkenalkan oleh kerajaan pusat dari tahun 1995. Sektor pelancongan negeri Sabah sepatutnya memberi tumpuan ke dalam program ini kerana negeri ini mempunyai 32 suku kaum atau etnik yang mempunyai pelbagai identiti,

adat dan budaya yang berlainan. Ini merupakan salah satu keunikan yang boleh ditawarkan oleh sektor pelancongan negeri ini.

c) Menyediakan dan memajukan kemudahan awam dan infrastruktur harus diperbaiki

Cadangan pembinaan tandas awam pada tempat yang sesuai untuk memberi kemudahan kepada pengunjung yang melawat ke destinasi pelancongan. Petunjuk jalan yang jelas dan memadai harus diletakkan di kawasan yang sesuai untuk memudahkan pelancong menuju ke tempat tujuan mereka. Perkhidmatan pengangkutan awam harus ditingkatkan.

Sektor pengangkutan memainkan peranan penting bagi memastikan pelancong sampai ke destinasi yang hendak dituju. Malah, sektor pengangkutan masa kini adalah salah satu produk yang ditawarkan dalam sektor pelancongan. Terdapat pelbagai mod pengangkutan antaranya jalan raya, air, udara dan landasan.

Pengangkutan yang berdasarkan mod jalan raya lebih mudah ditawarkan kerana ia banyak digunakan masa kini memandangkan kos penggunaannya juga lebih murah. Malah, bagi tujuan pelancongan masa kini, penggunaan bas ekspres sering kali digunakan terutamanya oleh mereka yang melancong secara berkumpulan. Mod pengangkutan udara walaupun mahal tetapi penting kerana ia dapat menghubungkan destinasi yang tidak mempunyai mod pengangkutan jalan raya dan air.

d) Bangunan Di Kawasan Kajian Harus Dipulihara Dengan Baik

Memandangkan bangunan di kawasan kajian merupakan tarikan utama untuk pelancong melawat kawasan kajian, maka ia harus dipulihara dengan baik tanpa hilang keaslian dan warisan senibinanya yang tersendiri. Kemudahan pelancongan yang mengalami kerosakan memerlukan penyelenggaraan yang sewajarnya. Kempen pemuliharaan

kawasan bersejarah diadakan untuk menyedari masyarakat tersebut untuk mengekalkan tempat bersejarah yang sedia ada.

e) Tahap kebersihan

Kebersihan bandar harus ditingkatkan dengan membersihkan longkang, lorong belakang dan menyediakan kawasan pejalan kaki yang lebih selesa. Integrasi dengan rekabentuk bandar seperti laluan harus dipentingkan dalam cadangan ini. Penekanan kebersihan perlu diutamakan di destinasi tempat pelancongan dan seterusnya bandar. Hal ini disebabkan tahap kebersihan sesuatu tempat akan mempengaruhi minat pelancong datang untuk membuat pelancongan.

5.5 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang telah dilakukan, ke semua jangkauan dapatan kajian telah dipenuhi iaitu faktor penawaran mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong domestik. Manakala peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong domestik dapat meningkatkan jumlah hasil negeri dari segi pendapatan pelancongan (*tourism receipt*). Sektor pelancongan merupakan salah satu sumbangan hasil kepada KDNK negeri Sabah. Faktor kemudahan penginapan memainkan peranan penting dalam matlamat untuk meningkatkan jangka masa pelawat tinggal di tempat lawatan supaya perbelanjaan mereka meningkat dan seterusnya meningkatkan pendapatan negeri.

Rujukan

- Andrea S. dan Melville S. (2008). 'Determinants of inbound tourism to South Africa' *Tourism Economics*, 14(1), 81-96.
- Bichaka Fayissa, Christian Nsiah, Badassa Tadasse (2007). 'The impact on economic growth and development in Africa.' , 0-21
- C.C. Lee dan C.P. Chang. (2007). 'Tourism development and economic growth: A closer look at panels'. *Tourism Management*, 29(2008),180-192.
- C.C. Lee dan M.S. Chien. (2007). 'Structural breaks, tourism development, and economic growth: Evidence from Taiwan'. *Mathematics And Computer In Simulation*, 77(2008), 358-368.
- Christine Lim, Jennifer C.H. Min, dan Michael McAleer (2008). 'Modelling income effects on long and short haul international travel'. *Tourism Management*
- Christine Lim dan Michael McAleer (2002). 'A cointegration analysis of annual tourism demand by Malaysia for Australia'. *Mathematics and Computers in Simulation*, 59 (2002), 197-205
- K. Raguraman (1998). 'Troubled passage to India.' *Tourism Management*, Vol. 19. pp. 553-543
- Ong P.L. (2005). 'Rumah Panjang Tradisi Rungus Dalam Arus Pembangunan: Perbezaan Pengertian. *Akademika* 68 (Januari) 2005, 43-64
- Paresh Kumar Narayan (2008). ' Examining the behaviour of visitor arrivals to Australia from 28 different countries'. *Transportation Research Part A*, 42(2008), 751-761.
- SooCheong (Shawn) Jang dan Ming-Hsiang Chen (2008). 'Financial portfolio approach to optimal tourist market mixes'. *Tourism Management*, 29 (2008), 761-770
- Teresa Gartin-Munoz dan Luis F. Montero-Martin (2006). ' Tourism in the Balearic Islands: A dynamic model for internacional demand using data.' *Tourism Management*, 28(2007),1224-1235
- Wan-Chen Po, Bwo-Nung Huang, (2008). 'Tourism development and economic growth – a nonlinear approach'. *Physica A*, 387 (2008), 5535-5542

Buku

- Haiyan, s. and Stephen, F.W. (2000). 'Tourism Demand Modelling And Forecasting'. *Modern Econometric Approaches*.
- Utusan Malaysia (05/10/2008) Air Terjun Sayap jadi pusat pelancongan baru

LAMPIRAN

A

Kod Respondan



Saya pelajar dari Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang melakukan penyelidikan terhadap prestasi sektor pelancongan dan impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Saya berharap agar Tuan/Puan/Encik/Cik dapat memberi kerjasama untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan soal selidik ini yang hanya mengambil masa lebih kurang 15 minit. Maklumat yang Tuan/Puan/Encik/Cik berikan adalah sulit dan rahsia serta terpelihara dari pihak-pihak yang tidak berkenaan. Maklumat yang diberikan hanya bertujuan untuk penyelidikan saya sahaja. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan/Encik/Cik adalah amat saya hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Bahagian A : Profil Pelancong

Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

1. Jantina

- Lelaki
 Perempuan

2. Bangsa

- Melayu
 Cina
 India
 Lain-lain; nyatakan _____

3. Umur _____ tahun

4. Jenis pekerjaan

- Sektor Swasta
 Sektor Awam
 Bekerja sendiri
 Profesional/teknikal
 Suri rumah/pelajar
 Pesara
 Lain-lain; nyatakan _____

5. Negara

- Domestik
 Nyatakan: _____
 Antarabangsa
 Nyatakan: _____

6. Mod bercuti

- Seorang diri
 Berkeluarga
 Pakej
 Kelab
 Lain-lain; Nyatakan _____

BAHAGIAN B : Mengenai Lawatan Respondan

Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

7. Tujuan lawatan

<input type="checkbox"/>	Bercuti
<input type="checkbox"/>	Perniagaan
<input type="checkbox"/>	Berhenti seketika
<input type="checkbox"/>	Lain-lain; nyatakan _____

8. Kekerapan lawatan ke Negeri Sabah.

<input type="checkbox"/>	Pertama kali
<input type="checkbox"/>	Bukan pertama kali
<input type="checkbox"/>	Nyatakan: _____

9. Tempoh lawatan di negeri Sabah?

<input type="checkbox"/>	Berhenti seketika
<input type="checkbox"/>	2 hari 1 malam
<input type="checkbox"/>	3 hari 2 malam
<input type="checkbox"/>	Lain-lain; nyatakan _____

10. Bagaimana anda mengetahui mengenai Sabah?

<input type="checkbox"/>	Agensi kembara	<input type="checkbox"/>	Brosur/ bahan promosi
<input type="checkbox"/>	Buku pelancongan	<input type="checkbox"/>	World Wide Web (www)
<input type="checkbox"/>	Melalui sekolah / persatuan	<input type="checkbox"/>	Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia
<input type="checkbox"/>	Kawan/ saudara	<input type="checkbox"/>	Pengalaman peribadi
<input type="checkbox"/>	Suratkhabar / majalah	<input type="checkbox"/>	Lain-lain:

11. Sebab anda melawat Sabah?

<input type="checkbox"/>	Lawatan kerja	<input type="checkbox"/>	Sebahagian dari pakej pelancongan
<input type="checkbox"/>	Tarikan sejarah / budaya	<input type="checkbox"/>	Tarikan alam semulajadi
<input type="checkbox"/>	Sebahagian dari aturcara program sekolah	<input type="checkbox"/>	Lain-lain: (Sila nyatakan)

Bahagian C : Kepuasan Pelancong

Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

12. Sila berikan tahap *KEPUASAN* anda semasa dan selepas lawatan dengan membulatkan markah:

KEPUASAN	
1	Tidak memuaskan
2	Kurang memuaskan
3	Memuaskan
4	Amat Memuaskan
5	Sangat memuaskan

A. KEBERSIHAN	KEPUASAN				
• Bandar	1	2	3	4	5
• Luar bandar	1	2	3	4	5
• Destinasi yang dilawat	1	2	3	4	5
• Tandas awam	1	2	3	4	5
B. KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR					
• Kenderaan	1	2	3	4	5
• Keadaan jalan raya	1	2	3	4	5
• Penginapan	1	2	3	4	5

13. Adakah anda memuaskan kebersihan di destinasi pelancongan?

14. Adakah anda memuaskan kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh destinasi pelancongan?

Bahagian D : Cadangan

15. Pada pendapat anda, apakah kemudahan yang anda perlukan semasa anda melawat Sabah?

16. Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan di Sabah?



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

*TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN
THANK YOU FOR YOUR COOPERATION*

*SEGALA MAKLUMAT YANG ANDA BERIKAN KAMI RAHSIAKAN
ALL INFORMATION WILL BE KEPT CONFIDENTIAL*

PRESTASI SEKTOR PELANCONGAN DAN IMPAK KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI SABAH -
YAP LEE CHIN